

**Jenice Saman DAP Mohon Deklarasi Keanggotaannya Dikembalikan
Bernama
5 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Bekas Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teratai Jenice Lee Ying Ha menfailkan saman terhadap DAP berhubung pelucutan keanggotaannya dalam parti itu.

Lee, 33, menfailkan writ saman melalui Tetuan Harjit Sandhu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil di sini dan menamakan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng sebagai defendan.

Penyataan tuntutan Lee memohon deklarasasi agar keanggotaannya dalam parti itu sejak 2001 dikembalikan serta-merta selain kos dan relif lain yang difikirkan wajar oleh mahkamah.

Lee mendakwa pelucutan keanggotaannya, yang hanya diketahui melalui media pada 20 April lepas, adalah tidak sah kerana siasatan Pendaftar Pertubuhan (ROS) mendapati pemilihan anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) DAP pada Disember tahun lepas tidak mengikut Perlembagaan parti itu.

Pada pilihan raya umum ke-13, Lee yang juga bekas setiausaha publisiti DAP Selangor bertanding sebagai calon bebas di DUN Teratai namun tewas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954273>